Persediaan Yang Perlu Dibuat Sebelum Pergi Interview

Ok, so katakan lagi 1 minggu tarikh untuk anda interview.

Kalau dapat awal 2 minggu lagi sedap. So preparation kita nanti akan lebih sempurna.

Untuk persedian sebelum interview ni ia sangat penting. Bayangkan, anda dapat kerja atau tidak bergantung pada dalam tempoh 15 minit itu sahaja.

So kenapa tak susah payah untuk bersedia dalam 1 minggu atau 2 minggu lebih awal kan.

Dan dalam post ni, saya akan berikan 6 tips atau perkara yang anda mesti lakukan untuk pastikan sesi temu ramah nanti akan berjalan lancar.

Yang Pertama – Anda mesti prektis.

Anda mesti duduk atas meja, dan bercakap seoalan olah si interview tu minta anda kenalkan diri. Yang sememangnya pun dia akan minta anda kenalkan diri dahulu bila mula mula kan.
So praktis kenalkan diri.

Tak perlulah start dari tadika. Sekolah rendah pun tak perlu, sekolah menengah pun tak perlu.

Cukup sekadar study mana, kos apa, kalau ada pengalaman kerja anda cerita. Kalau yang masih baru atau baru graduate memang cerita takat pengajian anda di Universiti atau Politeknik sahaja. Pencapaian macam sukan sukan semua, simpan untuk interview dengan kerajaan je lah.

Saya tengah tak rajin ni, nanti kalau saya rajin, saya boleh buat video, macam mana saya perkenalkan diri kalau interview. So anda boleh dapat gambarannya dengan lebih elok. Tak pe lah,

tinggalkan komen suruh saya rajin, nanti saya akan buat.

Untuk point pertama, anda mesti praktis untuk kenalkan diri.

Pastikan mula dalam 1 minggu lebih awal. Kalau lagi 2 hari nak start memang akan buat anda rasa masih lagi kekok. So pastikan praktis tu mula dari awal dan setiap hari dan lebih dari sekali dalam sehari. Huhu
Paham tak ni?

Kedua.

Jangan lupa baca requirement job post yang anda nak apply tu jadikan sebagai point untuk anda sembang nanti.

Contoh, macam saya sendiri. Katakan dalam iklan job tu tulis:

> *advantages for those who know how to define graph chart.*

So nanti dalam interview tu, dengan muka bangganya lah saya duk cerita yang kerja saya juga melibatkan graph graph juga. Tapi jangan lah direct sangat.

Contoh anda buat ayat macam bawah ni..

> *“so, as I saw your job application you prefer someone who can define chart right, well I know how bla bla bla’’*

Bagi saya ayat tu macam angkat bakul sendiri.

So lebih baik guna ayat yang macam ni.

> *“After I setup machine, we will run a calibration with the tool, the result of calibration will pop up kind of chart that shows how well previous run data was performed. If ok, then we proceed. If data from graph shows its off or out of spec, we will redo the trauble shooting process “*

Lebih kurang macam tu lah. Nampak lah macam ikhlas sikit kan.

Penat pula rasanya nak reka reka ayat untuk kome kome ni.

Tapi ingat, jangan cakap tentang pengalaman kerja anda yang anda sendiri tak berapa nak faham, nanti kena goreng balik. Sedangkan kita yang nak goreng dia kan.

Yang ketiga pula

Pakai baju yang striking sikit. Sikit je, jangan banyak
Jangan pakai baju kelabu, jangan pakai baju hitam.

Kecuali hitam metalic.

Kalau saya sendiri, saya suka pakai kemeja biru.

Nampak kemas, dan ada keyakinan sikit. Saya sangat sangat tak suka pakai baju kelabu kelabu macam tu.

Sebab ramai orang pakai, biasanya nanti orang yang interview tu mesti tak berapa nak perasan anda sangat.

So pakai baju yang striking sikit untuk tarik ingatan dia.

Keempat…

JANGAN LUPA DATANG AWAL.

Dengan datang awal, akan buat kan anda lebih bersemangat. Mindset pun akan jadi positif…

KeLima

Patut saya letak ini no 2, sebab penting juga.

Anda mesti ambil tahu sebanyak boleh tentang company yang apa yang diorang buat.

Apa jenis product ke contohnya. Proses nya. Contoh macam kalau TnB soalan paling bocor ialah, apa proses arang batu untuk jadi tenaga.

Memang dia akan suruh cerita daripada kapal arang batu sampai, masuk ke terminal pembakaran lah. Masuk furnace lah, semua kena cerita. Sampai lah api tu sampai ke rumah. Sampai bil api yang tinggi melambung tak perlu lah cerita ya..

So, sila ambil tahu company yang anda nak apply kerja tu.

Ok, saya rasa itu sahaja kot.

Tapi, bagi saya, yang paling penting anda praktis bercakap. Buat buat macam petah bersuara.
So nanti akan jadi lebih senang.

Eh lagi satu, nanti interview tu mesti akan minta anda pun tanyakan dia soalan tentang company.

So ada eloknya kalau anda prepare apa soalan nak tanya. Tapi jangan tanya soalan bodo ya, sudah diberi peluang patutnya tanya lah soalan yang macam bijak pandai. Baru nampak kualiti sikit.

Baiklah, kalau tiada apa apa, kipidap…